

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN  
WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]**

**SOALAN :**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan pekerja-pekerja asing yang terlibat di dalam bidang perladangan dan apakah tahap kemahiran atau latihan mereka khususnya dalam pengeluaran getah. Apakah langkah-langkah drastik pihak Kementerian bagi mengatasi masalah sekiranya berlaku perpindahan dan penghijrahan beramai-ramai pendatang asing ini bagi memastikan ianya tidak menjejaskan sektor perladangan getah negara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2013, jumlah keseluruhan pekerja yang bekerja di sektor perladangan adalah berjumlah 903,110 orang, iaitu 528,226 orang atau 58.49% adalah pekerja tempatan dan baki seramai 374,884 orang atau 41.51% adalah pekerja asing. Daripada jumlah tersebut, keseluruhan pekerja yang bekerja di sektor perladangan getah adalah berjumlah 368,970 orang iaitu 342,023 orang atau 92.7% adalah pekerja tempatan dan 26,947 orang atau 7.3% adalah pekerja asing.

Pada kebiasaannya, sebelum pekerja asing ini diserapkan untuk bekerja sebagai penoreh, mereka terlebih dahulu diberi latihan dan bimbingan oleh pihak majikan. Kemahiran bekerja di ladang-ladang getah diperolehi oleh pekerja-pekerja asing tersebut menerusi praktikal kerja dan latihan yang dikendalikan oleh majikan perladangan getah.

Industri getah terutamanya aktiviti penorehan dan kutipan getah adalah berintensif buruh. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah dan sedang mengambil langkah supaya kebergantungan kepada tenaga kerja dapat dikurangkan. Fokus penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada automasi dan mekanisasi telah dilaksanakan. Sehubungan itu, beberapa mekanisasi telah diperkenalkan seperti berikut:

- i. PMac (Planting Machine) dan SoFil (Soil Filling Machine) – kedua-dua mesin ini dapat mengurangkan kebergantungan tenaga kerja dalam aktiviti menanam pokok getah dan mengisi tanah di dalam polibeg;
- ii. ARTS (Automatic Rubber Tapping System) - satu *prototype* mesin yang dapat menoreh getah pada waktu yang ditetapkan secara automatik sedang dalam percubaan di estet-estet dan stesen percubaan *Rubber Research Institute Malaysia (RRIM)*; dan
- iii. i-klon – iaitu satu *software* yang dapat memperkenalkan klon-klon getah dan ini dapat mengurangkan masalah kekurangan tenaga pakar untuk memastikan klon-klon yang diberikan kepada pekebun kecil adalah tulen dan berproduktiviti tinggi.

Sekian, terima kasih.